

NO. SOALAN: 468

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah keseluruhan dana yang dikeluarkan oleh pihak Tabung Haji untuk membiaya ibadah umrah, ziarah dan ibadah haji buat pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah Tabung Haji serta keluarga mereka bagi setiap tahun bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2015; dan
- (b) jumlah dan perincian berasingan bagi Tabung haji dan setiap anak syarikat bagi tahun-tahun tersebut.

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Tiada dana yang dibelanjakan untuk umrah dan ziarah bagi pihak pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji (*TH*). Setiap musim haji, Pengerusi, Pengarah Urusan Kumpulan dan beberapa

Ahli Lembaga Pengarah *TH* adalah termasuk dalam kumpulan petugas operasi haji. Perbelanjaan haji bagi keluarga pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah (jika ada) dibiayai oleh ahli keluarga masing-masing.

- b) Bagi anak-anak syarikatnya, *TH* tidak memperuntukkan pembiayaan untuk tujuan ibadah umrah, ziarah dan ibadah haji dan ianya (jika ada) ditanggung sendiri oleh anak-anak syarikat terbabit.

Sekian, terima kasih.